

**Pemansuhan Isa Galak Fikiran Intellect Rakyat - Abdullah Bernama  
19 September , 2011**

KOTA BAHARU, 19 Sept (Bernama) -- Pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 bakal memberi kebebasan kepada masyarakat untuk memperkembangkan fikiran intelek tanpa sekatan atau ketakutan bahawa undang-undang itu akan digunakan terhadap mereka, kata bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya usaha menghapuskan ISA itu merupakan antara usaha kerajaan pimpinannya dahulu, antara 2003 dan 2008, yang disambung oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menegakkan lagi hak asasi manusia.

Abdullah berkata biarpun mendapat tentangan daripada dalam dan luar sewaktu kepimpinannya, beliau sempat menjayakan tiga perundangan yang memberi perubahan kepada undang-undang berkaitan dengan pencegahan rasuah, pelantikan hakim dan integriti agensi penguatkuasa.

"Saya cukup bangga dengan tindakan Datuk Seri Najib Razak untuk memansuhkan ISA.

"Tetapi perjalanan ke arah mencapai matlamat penuh Najib mungkin juga dihadapi cabaran-cabaran seperti saya dahulu. Tugas seorang yang membawa pembaharuan bukan mudah," katanya dalam ucapan balasnya selepas menerima ijazah kehormat Doktor Keusahawanan Dalam Pembangunan Modal Insan sempena majlis konvokesyen pertama Universiti Malaysia Kelantan (UMK), di sini, Isnin.

Ini merupakan konvokesyen pertama UMK sejak ditubuhkan pada 2007.

Seramai 266 graduan sulung universiti itu, yang mengikut bidang Agro Industri dan Sumber Asli, Keusahawanan dan Perniagaan dan Teknologi Kreatif dan Warisan menerima ijazah mereka daripada Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Faiz Ismail Petra, pro-canselor universiti itu.

Turut hadir Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Abdullah berkata menentang peralihan zaman akan membawa rebah dan kerajaan pimpinan

Barisan Nasional (BN) pastinya mahu memberikan hak kepada rakyat untuk bersuara dengan lebih kebebasan kerana ia amat perlu untuk membina modal insan yang lebih bertanggungjawab dan berintegriti.

Justeru beliau berharap barisan kepimpinan parti politik BN akan memberi sokongan penuh kepada Najib untuk merealisasikan perjuangan membawa perubahan.

"Saya harap tidak akan ada mereka menentang dalam senyap, seperti gunting dalam lipatan, kerana dasar beliau (Najib) ingin wujudkan dengan pemansuhan ISA akan membawa manfaat kepada rakyat dan negara pada jangka masa panjang," kata beliau.

"Saya yakin dan percaya bahawa Perdana Menteri dan barisan pimpinan di bawah beliau telah berfikir dengan mendalam dan rasional sebelum mengumumkan pemansuhan ISA dan Enakmen Darurat, dan saya juga yakin bahawa beliau akan melakukan apa yang telah dijanjikan," katanya.

Khamis lepas, Najib mengumumkan pemansuhan ISA dan tiga proklamasi darurat lain sempena sambutan Hari Malaysia, dan berkata kerajaan akan mengkaji untuk memperkenalkan dua akta baru yang lebih sesuai.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=614447>